

# Optimis jayakan modul PLKI

UMP sedia ruang tingkatan kemahiran graduan tempatan dalam industri kereta api

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP) optimis mampu menjayakan Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) selepas dilantik menjadi universiti yang bertanggungjawab membangunkan modul yang disediakan.

PLKI adalah program bagi menyediakan serta meningkatkan kemahiran graduan tempatan untuk diserap bekerja dalam industri kereta api di bawah Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP telah dilantik sebagai Universiti Fokal bagi program berkenaan yang juga menyokong kepada agenda kebolehpasaran graduan IPT.

"Justeru, kita mengadakan pertemuan dengan wakil universiti dan institusi kemahiran bagi bincangkan tumpuan kerjasama ini memabitkan program latihan seperti pengambilan dan pendaftaran peserta, pembangunan silibus, latihan profesional dan latihan industri, penyediaan



Daing Nasir bersama wakil universiti dan institusi kemahiran selepas Taklimat Program Latihan Kemahiran Industri (PLKI) Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) di UMP Gambang, semalam.

**INFO** • PLKI berfungsi menyediakan serta meningkatkan kemahiran graduan tempatan untuk diserap bekerja dalam industri kereta api di bawah MMR.

tenaga pengajar, kemudahan latihan, penyelidikan dan pembangunan.

"Kepakaran dan pengalaman UMP dan Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MITUN) dalam bidang teknikal begitu relevan

dalam menyumbang kelancaran dan kebolehpasaran merealisasikan projek ini," katanya ketika menyampaikan Taklimat Koordinasi Program PLKI ECRL di UMP Gambang, semalam.

Hadir sama, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr Jamil Ismail, Pengarah Bahagian Hubungan Industri Kementerian Pendidikan Tinggi, Prof Madya Dr Arham Abdullah, Penolong Pengarah Kanan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Saifuddin Bahari Saad, Pengurus Kanan MRL, Zaidi Sharif dan wakil

Jabatan Sumber Manusia Syarikat Komunikasi dan Pembinaan China (CCCC), Liu Zhapan dan Lee Foong Mei.

Daing Nasir berkata, pertumbuhan sektor pembuatan dan industri di Malaysia pada masa kini memerlukan ramai tenaga pakar dan berkemahiran dalam pelbagai bidang teknologi.

Sementara itu, Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Profesor Dr Rizalman Mamat yang dilantik sebagai Ketua Koordinasi Projek ECRL UMP berkata, PLKI ECRL akan melatih 3,600 orang graduan da-

lam tempoh tujuh tahun dan pada peringkat ini lebih 300 tempat ditawarkan kepada lepasan universiti yang mempunyai kelulusan dalam bidang kejuruteraan awam, mekanikal dan elektrik.

"Mereka yang layak bakal ditawarkan pekerjaan dan akan ikuti PLKI mulai September ini untuk memantapkan pengetahuan dalam bidang teknologi kereta api ini.

"Bilangan pelatih PLKI ECRL akan meningkat mulai Disember 2017 dengan pengambilan kedua seramai 250 graduan dengan jumlah sasaran 700 bakal dilatih se-

hingga akhir tahun 2018 di peringkat sijil, diploma dan ijazah," katanya.

Tambahnya, UMP telah membangunkan silibus dengan mendapat kerjasama pihak Beijing Jiaotong University (BJTU) dan Southwest Jiaotong University (SWJU) bagi perkongsian pengetahuan teknologi bidang pengangkutan kereta api.

Program PLKI telah dilancarkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang menyaksikan pertukaran dokumen persefahaman melibatkan 13 institusi dengan MRL dan CCCC.

Selain UMP termasuklah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Insitut Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Universiti Malaysia Kuala Lumpur (UNIKL), Giat Mara, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan juga Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) sebagai rakan usaha sama dan rakan-rakan strategik lain.